



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 16 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KILANG PADI TERMODEN MULA OPERASI, SINAR NEGERI TERENGGANU, KELANTAN, PAHANG, SH -23	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	SUMBANG 7 TAN SAYUR SETIAP MINGGU, LIKAL, HM -8 SYED SADDIQ BELI PRODUK PETANI TEMPATAN, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -15 TIADA KENAIKAN MENDADAK HARGA BARANGAN BASAH, NASIONAL, BH -17 FARMERS STOP DUMPING VEG IN CAMERON, NATION, THE STAR -5 FOOD AND ESSENTIAL GOODS FOR THE NEEDY GROUP, NEWS, CHINA PRESS (MELAKA) -C4 FOOD DISTRIBUTED TO 8 HOUSEHOLD, NEWS, CHINA PRESS (MELAKA) -C4 MEMENUHI BEKALAN MAKAN, MINDA, HM -14	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kilang padi termoden mula operasi

Pesawah lega, kilang mampu proses 400 tan padi sehari

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Pesawah di Terengganu khususnya sekitar daerah Besut mampu menarik nafas lega apabila kilang padi, Konsortium Kilang Padi PP Terengganu Sdn Bhd memulakan operasi bermula kelmarin.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Kerajaan Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, kilang terletak di Kampung Dalam Oh,



Dr Azman (kanan) melihat cara pemrosesan padi di kilang berkenaan kelmarin.

Jabi itu beroperasi dua minggu lebih awal berbanding jangkaan akhir April.

Menurutnya, kilang itu me-

mulakan operasi awal sebab sudah bersedia dan musim menuai juga telah tiba.

“Ini merupakan berita gem-

bira buat pesawah padi sekitar Besut termasuk seluruh negeri ini.

“Selaras dengan perkembangan ini, pihak pengurusan kilang telah melakukan persediaan yang perlu untuk mula menerima penghantaran padi daripada pesawah,” katanya selepas melakukan lawatan ke kilang padi berkenaan kelmarin.

Azman berkata, Kilang Padi Konsortium Kilang Padi PP Terengganu Sdn Bhd yang di-selia oleh Lembaga Perubuhan Peladang (LPP) menggunakan teknologi moden dengan kemampuan kapasiti pemprosesan padi sebanyak 400 tan sehari.

Beliau berkata, kilang tersebut antara kilang padi yang menggunakan teknologi termoden dalam negara melibatkan kos kira-kira RM25 juta.

“Sebelum ini, isu kilang padi yang tidak dapat menampung keperluan pengeluaran setempat menyebabkan padi dari Terengganu terpaksa dihandar untuk diproses di Kedah menjadi masalah kepada pesawah.

“Ini kerana penghantaran padi ke luar negeri akan melibatkan kos tambahan dari segi pengangkutan dan logistik.

“Dengan pembukaan kilang ini, masalah kekurangan kilang padi yang membelunggu pesawah di Terengganu dapat diselesaikan,” katanya.

Katanya, bagi pihak kerajaan negeri, belian berterima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta LPP atas usaha memajukan lagi industri padi beras di Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2020	HARIAN METRO	LOKAL	8



PROSES membungkus sayur-sayuran sebelum diagihkan kepada penerima.

Sumbang 7 tan sayur setiap minggu

Sungai Petani: Yayasan Aman Kedah mengagihkan tujuh tan sayur-sayuran dari Cameron Highlands, Pahang setiap minggu kepada golongan terjejas di negeri ini sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengarah Operasinya, Mohd Asri Omar berkata, pihaknya turut membeli 300 kilogram ikan kembung dan 100 ayam setiap hari untuk membantu mereka yang terputus bekalan makanan.

“Kami tersentuh hati apabila mengetahui ada keluarga hanya makan nasi berlauk kangkung kerana tidak mempunyai wang untuk membeli lauk lain,” katanya ketika dihubungi, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2020	SINAR HARIAN	MEMERANGI WABAK COVID-19	15

Syed Saddiq beli produk petani tempatan



Tangkap layar Facebook Syed Saddiq yang berkongsi inisiatif beliau membeli buah-buahan tempatan dan produk pertanian petani dan peladang tempatan.

SHAH ALAM - Bekas Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman membeli produk pertanian keluaran petani dan peladang tempatan bagi meringankan beban golongan itu yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ahli Parlimen Muar itu berkata, produk pertanian itu dibeli untuk diagihkan kepada rakyat yang memerlukan.

“Dalam masa yang mencabar ini, semua pihak perlu berganding bahu untuk membantu petani dan peladang di kawasan masing masing. Beli produk tempatan.

“Saya mulakan tempahan untuk 200 keluarga di kawasan Parlimen Muar,” katanya menerusi hantaran di Facebook beliau kelmarin.

Menerusi hantaran itu, Ketua Angkatan Bersatu

Anak Muda (Armada) itu turut berkongsi video beliau turun padang melihat produk hasil pertanian seperti nanas, pisang, ubi kayu, ubi keledak, ubi keladi dan kelapa muda di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian Pertubuhan Peladang Kawasan Muar Selatan.

Sebelum ini, media melaporkan ramai petani di negara ini terutama di kawasan pertanian tanah tinggi terkenal iaitu Cameron Highlands dan Loding mengalami kerugian kerana tidak dapat memasarkan hasil tanaman mereka akibat penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP.

Akibat kesukaran itu, kebanyakan petani terpaksa membuang hasil tanaman mereka termasuk lebih 2,300 pekebun sayur Cameron Highlands yang dianggarkan mengalami kerugian RM1 juta sehari.

Tiada kenaikan mendadak harga barangan basah

Kuala Lumpur: Tiada kenaikan mendadak bagi harga barangan basah sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan mulai 18 Mac lalu.

Tinjauan BH di Pasar Moden dan Medan Selera Majlis Perbandaran Selayang, Selayang Baru mendapati harga barangan keperluan termasuk ikan, ayam, sayuran, tepung gandum, telur dan minyak masak dijual pada harga biasa sebelum PKP.

Ikan kembung dijual antara RM18 hingga RM20 per kilogram (kg), manakala ikan selayang pula antara RM13 hingga RM15 per kg, ayam standard (RM7); tomato (RM3 hingga RM6) dan kubis (RM3 hingga RM7).


Harga 30 telur gred A pula RM12.90, manakala gred B (RM12.60) dan gred C (RM12), mi-

nyak masak (RM2 hingga RM11); tepung gandum (RM2 sebungkus).
Bagaimanapun, ayam hidup dan super tidak dijual di premis itu.

Sementara itu, tinjauan di laman web beberapa pasar raya mendapati harga barangan basah kekal dengan ikan kembung dijual antara RM6.99 hingga RM14.99 sekilogram, manakala ikan selayang (RM9.99 hingga RM10.89).

Ayam super pula dijual antara RM7.29 hingga RM9.80 sekilogram dan ayam standard (RM5.50 hingga RM5.99), manakala 30 telur gred B (RM11.70) serta gred C (RM11.40).

Harga tomato pula RM3.99 sekilogram, manakala kubis antara RM2.29 hingga RM5.59; tepung gandum (RM1.80 hingga RM2.10 sebungkus); minyak masak (RM11.80 hingga RM28.79).



Harga ayam segar dijual pada harga biasa sebelum PKP di Pasar Tani Kekal Selayang.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Farmers stop dumping veg in Camerons

By MANJIT KAUR

manjit@thestar.com.my


IPOH: Following weeks of difficulty in transporting their produce due to the movement control order (MCO), vegetable growers in Cameron Highlands are now heaving a sigh of relief.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association secretary Chay Ee Mong said a lot of non-governmental organisations and politicians had stepped in to reduce wastage by purchasing vegetables from farms to be given to the needy.

He said some of them even headed up to the hill station to collect the vegetables themselves, while some made arrangements for transportation.

However, he said all transportation heading up the hill for collection must obtain police clearance first.

"We sell vegetables at farm price, while some farmers do their bit for



Win and lose: While vegetable growers get help from NGOs and politicians, flower producers have had to discard up to RM40mil in flowers (above) due to the pandemic.

charity by providing leafy vegetables for free.

"Some smaller farms that do not have the means to bring out vegetables for packaging and so forth, have no choice but to destroy the crop. Some farms have started work for the next season," he said.

Cameron Highlands Malay Farmers Association president Datuk Syed Abdul Rahman said as long as wholesale markets were open, there should not be much wastage.

"So there should not be problems for us to transport vegetables to

these markets.

"Many farmers are also giving away vegetables by working with NGOs," he said.

However, a farmer said all flowers for the local market had to be discarded as shops selling flowers had to be closed as they were deemed non-essential.

P. Viswanathan said 70% of flowers grown there were meant for the local market.

"Four months ago, we planted double the amount of flowers for the Tamil New Year that fell on

April 14.

"We had to destroy all the flowers, and I think most farmers would have lost about RM50,000," he said.

There were no issues for flowers exported to countries like Thailand, Singapore and Japan.

The Star reported on April 14 that tonnes of flowers had been thrown away, with Cameron Highlands Floriculturists Association president Lee Peng Fo saying flowering plants worth close to RM40mil had been disposed of since the MCO was implemented.

Headline	Food and essential goods for the needy group		
MediaTitle	China Press (Melaka)		
Date	16 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,073
Page No	C4	Readership	18,219
Language	Chinese	ArticleSize	222 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,973
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,920



馬華野新區會志工團 派物資給支會弱勢者



■ 顏文泉（左）及志工黃志偉（右），派发援助品给乐龄人士魏金美。

（野新15日讯）马华野新区会志工团日前派发援助品，给野新各支会有需要人士，为他们雪中送炭。

有关援助品由马华野新区会秘书兼志工团团团长颜文泉、志工黄志伟，以卡车送到各支会会所。

颜文泉说，马华野新区会是协助

野新国会议员拿督威拉阿末韩查派发援助品，给有需要的华裔同胞，希望这些援助品能减缓他们的生活压力。

马华野新区会主席拿督许金汉感谢区会属下各支会主席，协助派发援助品给弱勢群体。

Headline	Food distributed to 8 household		
MediaTitle	China Press (Melaka)		
Date	16 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,073
Page No	C4	Readership	18,219
Language	Chinese	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,576
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,729



■江春财(左)移交援助品给一名家境贫苦的家庭主妇。



■乐龄人士感谢江春财移交援助品，减轻其生活负担。

馬華進步花園支會 派8貧戶食品

(野新15日讯) 马华进步花园支会主席江春财昨日代表马华野新区会，派发鸡蛋、米粮、饼干等食品给该花园的需要人士，包括单亲妈妈、残障人士等，8户贫苦人家受惠。

江春财指出，有关援助品是由野新国会议员拿督威拉阿末韩查拨款赞助，交

由马华区会秘书颜文泉全权处理，安排马华志工以客货车将援助品送到区会属下有关支会。

他说，各支会主席按照之前向区会提呈的弱势群体名单派发相关物资，以帮助因受新冠肺炎(2019冠状病毒疾病)疫情影响，而无法工作、生活受困的弱势群体和单亲妈妈。

江春财感谢阿末韩查、马华野新区会主席拿督许金汉和秘书颜文泉细心安排，使援助品顺利交到受惠者手中，进而减轻他们在行动管制令期间的生活负担。

IMPLIKASI COVID-19

Memenuhi bekalan makanan

Oleh Profesor Datin Páduka
Dr. Fatimah Mohamed Arshad



Kajian Bank Dunia menunjukkan kemunduran sektor makanan kita mendedahkan kelemahan dalam perancangan negara dan impaknya kepada sektor itu

ententeramkan minda awam bahawa bekalan makanan tidak akan terjejas dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan perkara mudah kerana makanan diperlukan dalam semua keadaan terutama semasa ekonomi dicabar pandemik Covid-19.

Pengumuman Perdana Menteri memperuntukkan RM1 bilion dana untuk makanan tepat dan berpotensi untuk menandakan impak besar kepada negara kerana jika nyawa mudah diragut oleh virus Covid-19, bekalan makanan juga mudah terputus apabila sistem normalnya diganggu.

Dibebani dengan prasangka ketakutan ke atas Covid-19 yang berlegar liar ini, orang awam turut bimbang bekalan makanan mereka di dapur. Ini psikologi normal. Apabila terkurung dari dunia luar perkara pertama diminda, apakah bekalan makanan mencukupi untuk keluarga. Itu reaksi nauri normal manusia.

Apabila berlaku pembelian panik, ini menyebabkan kekurangan atau defisit bekalan makanan dalam jangka masa pendek. Jika berterusan, apabila permintaan melebihi penawaran, peniaga akan meningkatkan harga. Siapa dulu dia dapat dan siapa kaya dia sempat. Mangsa ialah si miskin dan si penyabar yang tidak berebut.

Sebelum perintah berkurung, bekalan makanan Malaysia adalah stabil dan mencukupi tetapi lonjakan pembelian panik menyebabkan tidak dapat dipenuhi oleh penawaran. Ini tidak bermakna bekalan tidak mencukupi.

Wujud jurang antara jangka masa makanan yang dikehendaki dengan inventori pengeluaran. Kedua-duanya tidak serentak. Ia bukan masalah penawaran tetapi masalah logistik.

Yang berkurang adalah makanan di restoran atau kedai makan, tetapi penggunaan per kapita tidak banyak berubah.

PKP juga menjejaskan rantaian bekalan apabila waktu penjualan dibataskan, pergerakan dipantau, dan hanya beberapa pusat jualan yang memiliki bangunan yang tetap sahaja dibenarkan. PKP perlu langkah ini, tetapi jangan sampai petani membuang hasil tanaman mereka dan harga tinggi di pasaran pengguna.

Kedua gejala ini mencabar kemampuan sistem bekalan. Oleh kerana pandemik ini melanda seantero dunia, rata-rata semua pengguna akan takut makanan

tidak mencukupi.

Untuk mengelakkan kekurangan makanan, lazimnya negara akan memilih untuk melindungi eksport makanan seperti larangan ke atas eksport atau mengenakan cukai eksport yang tinggi atau mengeksport beberapa gred komoditi saja. Jika ini berlaku, bekalan dalam pasaran dunia berkurang, tetapi permintaan tetap berterusan.

Antara negara yang merancang menyekat eksport adalah Vietnam (pengeksporn beras kedua terbesar di dunia. Vietnam adalah sumber import utama untuk beras Malaysia. Kazakhstan, pengeluar gandum menyekat eksport komoditi ini selain bawang, lobak dan ubi kentang. Russia sebagai pengeluar gandum terbesar dunia juga mungkin melindungi industri gandumnya. Amerika juga menunjukkan polisi yang tidak menentu kerana konflik perdagangannya dengan China.

Pengalaman 2008 mengajar kita apabila negara luar mula melindungi sektor makanan masing-masing, harga bukan saja melonjak besar tetapi sangat tidak stabil. Bermakna Malaysia akan mengalami masalah untuk mendapatkan bekalan dunia, dan perlu diimport pada paras harga yang tinggi.

PKP juga mempengaruhi kelicinan perjalanan rantaian bekalan, logistik dan pengeluaran. Pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan memerlukan buruh intensif. Sebahagian besar kebun sayur dan sawah padi di Malaysia menggunakan buruh import.

Apa yang lebih mencabar adalah kelemahan Malaysia dalam membangunkan sektor makanannya walaupun ia memiliki faedah berbanding yang dicemburui oleh negara lain. Malaysia memiliki cahaya suria yang banyak, begitu juga hujan, biodiversiti yang kedua terbesar selepas Brazil, air dan tanah mencukupi, GDP per kapita yang ketiga tinggi di Asean. Tetapi, sektor makanannya mundur dan bergantung kepada import semenjak 1950-an sehingga kini.

Kajian Bank Dunia menunjukkan kemunduran sektor makanan kita mendedahkan kelemahan dalam perancangan negara dan impaknya kepada sektor itu. Antaranya, kegagalan Malaysia menggerblengkan sumbernya. Maka memang tepat sekali sektor ini harus disuntik dana untuk meremajakan sektor yang mundur ini.

Cadangan atasi kelemahan Malaysia. Pertama, penstrukturan semula dan pengukuhan R&D. Agenda R&D makanan perlu disusun semula dan dipertingkatkan prestasi dan impaknya. Malaysia boleh belajar daripada beberapa negara maju seperti Thailand, Taiwan, China, Belanda mengenai teknologi terkehadapan dalam pengeluaran dan pemasaran.

Peruntukan besar perlu diberi kepada aplikasi teknologi termaju dan ICT untuk meningkatkan hasil, pengeluaran maju, cekap dan lestari. Banyak pakej yang boleh dicontohi, cuma perlu diubahsuai mengikut keperluan tempatan.

Kedua, seperti di Singapura,

modal insan adalah kekuatan negara terbabit. Malaysia memerlukan beberapa kolej teknikal dan pusat kecemerlangan tambahan untuk menajankan pekerja mahir dan teknologi termaju sektor makanan, terutama di Sabah dan Sarawak yang kaya dengan sumber alam.

Ketiga, pengukuhan institusi pertanian terutama ke arah mendayaupayakan petani dengan ilmu, teknologi dan keusahawanan. Supaya mereka mampu mengemudi ladang dan kebun mereka dengan teknologi yang termaju dan memacu sendiri koperasi atau Pertubuhan Peladang dan tidak lagi oleh lantikan politik.

Keempat, prasarana masih diperlukan terutama di desa dan kawasan pengeluaran. Bukan setakat prasarana fizikal tetapi juga keperluan komunikasi dan internet untuk membantu petani dan peniaga.

Pelaburan ke atas sektor makanan tidak pernah merugikan. Malah, ia membawa faedah pelbagai. Selain faedah peluang pekerjaan, pendapatan, makanan diperlukan untuk jaminan bekalan makanan dan nutrisi penduduk. Tanaman makanan juga memperkasakan biodiversiti tempatan. Ia mendinamikkan komuniti desa. Secara kecil-kecilan, ia membantu pemuliharaan alam semula jadi seperti tasik, sungai dan hutan sekeliling kebun.

Penulis Pakar Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia

dialog kotaraya oleh juragan

